

ACYLETE CREAM

Acyclovir (50mg/1 gm)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Acylete Cream
2. Bagaimana Acylete Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Acylete Cream
4. Cara menggunakan Acylete Cream
5. Semasa menggunakan Acylete Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Acylete Cream
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Acylete Cream

Ia digunakan sebagai rawatan topikal untuk jangkitan virus (herpes) pada kulit termasuk jangkitan pada bahagian sulit (genital).

Bagaimana Acylete Cream berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah acyclovir, iaitu sejenis ubat antiviral. Ia menghalang pertumbuhan virus dan seterusnya menyembuhkan jangkitan.

Sebelum menggunakan Acylete Cream

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Acylete Cream jika anda hipersensitif atau alah kepada acyclovir atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).

- Sebelum mula menggunakan Acylete Cream

Beritahu doktor anda sebelum menggunakan ubat ini jika anda;

- mempunyai masalah atau penyakit yang melemahkan sistem imun anda seperti AIDS.
- pernah melalui pemindahan organ atau sumsum tulang.

Mengandung dan penyusuan bayi

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Acyclovir hanya boleh digunakan semasa mengandung dan penyusuan jika manfaatnya lebih daripada risiko kepada janin.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat seperti yang berikut: -

- ubat yang digunakan untuk merawat gout seperti probenecid.
- ubat-ubatan lain yang mungkin memberi kesan kepada fungsi buah pinggang.

Cara menggunakan Acylete Cream

- Berapa banyak harus digunakan

Pengambilan Topikal.

Sapu pada kawasan yang terjejas 5 kali sehari bagi setiap 4 jam.

- Bila perlu digunakan

Sapu Acylete Cream 5 kali sehari bagi setiap 4 jam atau mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Sapu krim selama 5 hari atau mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda. Rawatan boleh diteruskan sehingga 10 hari jika jangkitan masih tidak sembuh.

- Jika terlupa menggunakan

Sapu dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapu dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terguna dos berlebihan atau tidak sengaja tertelan ubat ini. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Acylete Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda menggunakan Acylete Cream.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa menggunakan ubat ini.
- Gunakan Acylete Cream hanya dengan preskripsi doktor.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berikan Acylete Cream kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau masalah seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan sapu ubat ini pada kawasan membranmukosa (bahagian berwarna kemerahan) seperti di dalam mulut dan hidung, ke dalam mata dan di dalam faraj.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Acylete Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Kesan sampingan yang pernah dilaporkan adalah seperti berikut:

- rasa seperti terbakar
- rasa pedih dan menyengat
- gatal-gatal
- ruam
- keradangan di sekitar faraj

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada sesetengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami kesan sampingan lain semasa menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Acylete Cream

- Penyimpanan

Simpan pada suhu bilik di bawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih kekuningan.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

- Acyclovir

- Bahan- bahan tidak aktif

- Bees wax
- Cetyl alcohol
- Glyceryl monostearate
- Liquid petrolatum
- Polysorbate 60 (Tween 60)
- Sorbitan monostearate 60 (Span 60)
- Propylene glycol
- Propyl paraben
- Hivis 104
- Triethanolamine
- Glycerin 95%
- Methyl paraben
- Purified water

- Nombor MAL

MAL20001027AZ

Pengilang

China Chemical & Pharmaceutical Co. Ltd.
182-1, Keng Tze Kou,
Taiwan.

Pemegang Pendaftaran Produk

Kireen Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

21/02/2023

Nombor Siri

NPRA(R4/1)080223/00010